

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/1997

April 1997

SEW212- Mikroekonomi II

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi Tujuhbelas muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (60%)

Jawab SEMUA soalan dengan memasukkan jawapan ke dalam ruang-ruang kosong yang disediakan.

Soalan 1

- A. Seorang pengusaha menggunakan 6 orang pekerja dari Bangladesh dalam proses pengeluarannya setiap hari. Setiap orang pekerja di bayar RM6.00/jam; manakala harga output adalah RM2.00 setiap unit.


Dari pengalamannya, pengusaha tersebut mengetahui bahawa pekerja Bangladesh pertama berupaya mengeluarkan output sebanyak 3 unit sejam; pekerja kedua 5 unit sejam; pekerja ketiga 4 unit sejam; pekerja keempat 3 unit sejam; pekerja kelima 2 unit sejam; manakala tambahan pekerja keenam tidak lagi menambahkan sebarang output dalam proses pengeluarannya.

- (a) Berapakah bilangan pekerja Bangladesh yang akan digunakan oleh firma?

(2 markah)

...2/-

(b) Lakarkan keluk-keluk VMP_L dan VAP_L dalam gambar rajah di bawah.



(2 markah)

(c) Berapakah jumlah keuntungan yang diterima oleh pengusaha tersebut? Tandakan kawasan yang berkenaan dalam gambar rajah di atas.

(2 markah)

(d) Sekiranya kerajaan menyatakan bahawa upah buruh mesti meningkat ke RM9.50/jam, apakah paras penggunaan input buruh yang baru?

(2 markah)

- B. Andaikan anda seorang pengurus besar sebuah firma yang merupakan pemimpin harga dalam industri mesin berat. Firma anda membenarkan firma-firma lain yang lebih kecil memilih tahap output mereka yang sesuai. Firma anda pula menentukan paras harga yang akan dipatuhi oleh firma-firma kecil yang lain. Keluk permintaan industri mesin berat adalah: $P = 300 - Q$; di mana, P adalah harga barangan (dalam RM setiap unit) dan Q adalah jumlah kuantiti yang diminta. Jumlah pengeluaran oleh firma-firma kecil adalah Q_R , dimana $Q_R = 49P$ (output dalam juta unit).
- (a) Jika keluk kos marginal firma anda adalah $2.96Q_B$, dimana Q_B adalah output firma anda, apakah paras output yang patut dikeluarkan oleh firma anda supaya keuntungan dimaksimumkan?

(2 markah)

...4/-

(b) Apakah harga output firma anda?

(2 markah)

(c) Berapakah jumlah output industri pada harga ini?

(2 markah)
...5/-

C. Setujukah anda dengan kenyataan-kenyataan yang berikut? Beri penjelasan anda.

- (a) "Dalam ekonomi $2 \times 2 \times 2$, jika pasaran output sudah mencapai keseimbangan tetapi mendapati lebih permintaan buruh dalam pasaran input, lebih permintaan modal tidak boleh wujud bersama".


(4 markah)

- (b) "Semua titik-titik sepanjang keluk kemungkinan utiliti tertinggi adalah cekap Pareto. Maka tidak perlu membuat pilihan antaranya".

(4 markah)

...6/-

D. Kedudukan sebuah ekonomi $2 \times 2 \times 2$ pada masakini ditunjukkan oleh gambar rajah di bawah.



(a) Jelaskan samada ekonomi ini telah mencapai keseimbangan am atau tidak

(4 markah)

...7/-

- (b) Seorang pakar ekonomi berpendapat bahawa pengeluaran industri X mencemarkan udara. Sahabat beliau yang telah mengambil SEW212 tidak bersetuju. Beliau mencadangkan bahawa output industri X sedang memberi kesan luaran positif kepada masyarakat. Pandangan siapakah yang tepat? Mengapa?

(2 markah)


...8/-

E. Pilihan tiga orang Timbalan Naib Canselor Universiti Belarus terhadap tiga orang pensyarah yang bakal dinaikkan pangkat adalah seperti berikut:

<u>Timbalan Naib Canselor</u>	<u>Pensyarah</u>		
	Ali	Babu	Chee
I	1	3	2
II	3	2	1
III	1	3	2

Dengan menggunakan axiom transitiviti, tentukan pensyarah yang akan dinaikkan pangkat di Universiti Belarus.

- F. Rajah di bawah menggambarkan pasaran padi di Malaysia. Seperti yang anda ketahui, harga padi yang ditetapkan oleh kuasa pasaran bebas dianggap sebagai terlalu rendah, harga P^* pada tahap keluaran Q^* . Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah menetapkan harga minimum yang terjamin, katakan P_M . (Untuk makluman anda, lebih kurang 40% daripada penanam padi mengalami kemiskinan manakala 60% daripada pengguna padi terdiri daripada isirumah yang miskin)



- (a) Cadangkan langkah yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mempertahankan harga P_M tersebut.

(2 markah)

...10/-

- (b) Adakah penetapan harga minimum ini suatu kebaikan dari segi masyarakat? Gunakan kriteria-kriteria Pareto, Hicks/Kaldor, dan Bergson untuk menilai langkah ini (Beri alasan yang jelas untuk setiap kriteria yang digunakan itu).

(6 markah)

...11/-

- G. Sebuah kilang kain di sebuah pulau terpencil merupakan pembeli tunggal bagi perkhidmatan pekerja-pekerja yang tinggal di pulau tersebut. Keluk penawaran pekerja-pekerja kilang kain tersebut telah dianggarkan sebagai:

$$L = 80W$$

dimana L = bilangan pekerja yang diambil; dan W = upah pekerja setiap jam. Andaikan juga keluk permintaan kilang kain tersebut adalah:

$$L = 400 - 40VMP_L$$

- (a) Berapa banyak pekerja yang akan digunakan oleh firma kain tersebut supaya ia memaksimumkan keuntungannya?

(2 markah)

(b) Apakah upah yang akan dibayar oleh kilang tersebut kepada setiap pekerja?

(2 markah)

(c) Andaikan kerajaan menetapkan gaji minimum ke atas semua pekerja. Berapakah pekerja yang akan digunakan jika gaji minimum ditetapkan pada RM4 setiap jam?


(2 markah)

...13/-

(d) Pada paras gaji minimum ini, berapakah pekerja yang sedang menganggur?

(2 markah)

(e) Lakarkan secara ringkas dalam bentuk gambar rajah jawapan anda dari (a)-(d) di atas.



(4 markah)

H. Empat orang jiran (Ali, Bee, Chandran, dan Dick) mempunyai keluk permintaan terhadap sejenis barang awam seperti berikut:

$$P_A = 50 - 8G$$

$$P_B = 100 - 10G$$

$$P_C = 150 - 12G$$

$$P_D = 200 - 20G$$

dimana, G = kuantiti barang awam; P_A , P_B , P_C , dan P_D adalah harga yang ditawarkan oleh Ali, Bee, Chandran dan Dick masing-masing.

(a) Jika kos marginal pengeluaran output adalah malar dan bernilai RM100, tentukan tahap G^* yang optimum dan jumlah kos yang dibiayai oleh setiap orang jiran supaya G^* dapat disediakan.

(4 markah)

- (b) Andaikan yang Ali, Bee, dan Chandran tidak menunjukkan pilihan mereka. Tetapkan tahap output dan kos yang ditanggung oleh Dick.

(4 markah)

...16/-

Bahagian B (40%)

Jawab DUA (2) soalan sahaja. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan. Pastikan anda senaraikan andaian-andaian anda. Gunakan gambar rajah dalam penjelasan anda jika perlu.

2. (a) "Terdapat perbezaan di antara gaji minimum yang ditetapkan dalam pasaran monopsoni dan dalam pasaran persaingan sempurna (andaikan gaji minimum adalah lebih tinggi dari gaji keseimbangan yang ditetapkan oleh pasaran)". Bincangkan segala aspek kenyataan ini.
- (b) Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, terangkan kesan-kesan penggantian dan output yang berlaku apabila harga input buruh diandaikan naik manakala harga input yang lain tidak berubah. Gunakan paksi mendatar untuk input buruh.
- (c) "Perubahan dalam permintaan input merupakan perubahan dalam keluk permintaan input akibat dari perubahan dalam salah satu penentu permintaan input selain dari harga input". Senaraikan penentu-penentu tersebut dan berikan contoh-contoh konkrit sejauh mana yang boleh.

(20 markah)

3. (a) Bandar Ezietown sedang menghadapi masalah pencemaran udara yang diakibatkan oleh sebuah kilang baja yang berhampiran. Jelaskan keadaan di Ezietown dalam bentuk gambarajah dan terangkan samada pengeluaran output kilang baja itu optimum dari segi sosial. Sekiranya tidak, apakah tindakan yang harus diambil supaya kilang tersebut dapat mengeluarkan output yang optimum dari segi sosial?
- (b) Andaikan yang masalah pencemaran udara di bandar Ezietown dapat diatasi dengan pembinaan sebuah loji pembersih udara yang berkos RM1 juta setiap tahun. Masalah yang timbul adalah, jika setiap penduduk bertindak secara bebas (perseorangan), tidak ada seorang pun yang mampu menanggung kos yang sebegitu banyak (RM1 juta setiap tahun). Akan tetapi, sebuah firma swasta bercadang untuk membina loji pembersih udara tersebut dan menjual perkhidmatan mereka kepada penduduk-penduduk bandar Ezietown. Berikan pendapat anda samada cadangan firma ini wajar? Beri pendapat anda dengan menggunakan andaian-andaian yang sesuai.

(20 markah)

...17/-

4. (a) Kebajikan masyarakat dapat dicapai melalui kriteria yang berlainan. Bincangkan pendapat Pareto, Bergson, dan Kaldor-Hicks tentang penentuan kebajikan masyarakat. Berikan pendapat anda mengenai kelemahan-kelemahan kriteria-kriteria tersebut. Gunakan contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan jawapan anda.
- (b) Bincangkan bagaimana teorem ketidakmungkinan Arrow dapat menjelaskan kelemahan kriteria-kriteria tersebut. Pastikan anda kaitkan teorem tersebut dengan kelemahan kriteria-kriteria tersebut.
- (c) "Walaupun kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap pengeluaran barangan awam, ini tidak bermakna ianya mesti dikeluarkan oleh sektor kerajaan". Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Berikan satu contoh untuk menyokong pendapat anda.

(20 markah)

- oooOooo -